

HADAPI 'RAYA' DENGAN TENANG

Kita sedang berada di dalam satu lagi suasana perayaan "Demam Raya" iaitu Pilihanraya Umum Kebangsaan kali ke 12 yang dijangka diadakan pada bila-bila masa saja. Dalam hal ini, kita tidak dapat lari dari terlibat samaada secara langsung atau tidak langsung. Hanya setiap empat/lima tahun sekali kita mendapat 'extra raya' iaitu Pilihanraya Umum, justeru itu ambillah kesempatan ini untuk kita 'menentukan' masa depan agama, bangsa dan negara kita. Buatlah pilihan anda berdasarkan pengetahuan dan bukan berdasarkan emosi semata-mata. Apa sahaja yang kita lakukan sebenarnya di dalam kehidupan ini adalah memberi impak kepada Islam. Pilihanraya yang bakal menjelang bakal menguji kematangan Umat Melayu Islam dalam membuat perhitungan. Perhitungan untuk masa depan generasi Islam akan datang dan negara. Kita yakin pilihanraya adalah suatu alat untuk mencapai matlamat. Matlamat yang paling jelas ialah supaya Islam didaulatkan.

Namun ramai di antara kita sewaktu menjalankan tugas untuk mendaulatkan Islam ini, tidak mempedulikan sama ada Islam akan dihormati oleh orang bukan Islam atau tidak. Ramai di antara kita hanya menitik beratkan untuk menyebarkan, apa yang kita katakan sebagai ajaran yang sebenar. Lebih daripada itu kita nampaknya menganggap rakan Islam kita sebagai tidak cukup Islam. Kita jarang berlembut semasa memberi nasihat. Kita nampaknya menuntut orang Islam supaya tidak melakukan apa-apa kecuali melakukan ibadah wajib yang sering di tambah dengan ibadah sunah, malah kadang-kadang dengan ibadah yang kita reka sendiri, dengan mempercayai bahawa itulah perkara yang baik dan soleh yang patut kita lakukan. Jika saudara seislam kita itu tidak mengamalkannya maka kita mencemuh mereka kerana tidak cukup baik. Kita mengatakan bahawa mereka tidak cukup warak. Dalam kes tertentu kita menolak mereka hanya kerana mereka tidak tergolong dalam kumpulan yang tertentu.

Kita terlupa bahawa Al Quran ada mengatakan tidak boleh mengutuk orang lain sebagai tidak cukup Islam kerana kemungkinan kita yang sebenarnya tidak cukup Islam berbanding dengan mereka. Di dalam surah An Nahl juga Allah menyuruh kita supaya menyeru kejalan Allah dengan hikmah dan bijaksana. Sekiranya kita perlu berbahas di atas apa yang diserukan itu maka berbahaslah dengan cara yang baik.

Percakapan hikmah dan bijaksana yang digunakan di dalam ayat ini perlulah difahami dengan jelas. Hikmah di dalam merangka strategi dakwah dan bijaksana di dalam memahami isu-isu semasa serta mampu mencari jalan penyelesaian dan cadangan dengan menggunakan empat sumber hukum yang utama iaitu Al Quran, Al Hadis, Ijmak dan Qiyas. Sokonglah hujah-hujah dengan fakta yang bernas. Jangan sampai kita hanya pandai menghalal dan mengharamkan sahaja tanpa mampu memberikan alternatif dan garis kerja masa depan umat yang lebih gemilang. Ataupun jangan hanya sekadar mengikut rentak masyarakat dan kepentingan kumpulan tertentu yang mencari publisiti murah dengan mengorbankan kecerdikan dan prestasi umat.

Kita seharusnya memenangi hati orang Islam dan bukan Islam melalui contoh dan juga panduan. Pada hari ini realitinya umat Islam sebenarnya tidak boleh dianggap sebagai contoh kepada yang lain untuk di hormati, apatah lagi untuk diikuti.

Kini dunia Islam dalam keadaan huru hara. Kita bermusuhan sesama sendiri dan tidak sependapat walaupun untuk bekerjasama bagi membantu diri sendiri. Sebahagian dari kita hilang pertimbangan lantaran semangat Islam yang meluap-luap dan merasa syok sendiri di atas aktiviti sesama mereka sahaja lalu menganggap itu sebagai Jihad yang sebenar. Kita lemah, tidak dapat mempertahankan diri sendiri, dan sering terpaksa menyebelahi mereka yang niat baiknya di ragui tetapi kita memerlukan bantuan mereka kerana kita lemah.

Orang Islam miskin dan kurang berpengetahuan dalam ilmu yang penting untuk menguasai kemahiran dunia moden. Kadangkala kita memujuk diri kita sendiri dengan mengatakan bahawa dunia ini bukan untuk kita, bahawa dunia kita ialah di akhirat kelak.



Namun kita tahu bahawa ini tidak selari dengan untuk menjadi insan terbaik. Kita tahu bahawa kemiskinan memusnahkan iktikad tetapi kita tidak melakukan apa-apa tentangnya, kita lebih suka mengaitkan kemiskinan dengan kewarakan walaupun ajaran Islam mengatakan bahawa kemiskinan ialah satu punca hilangnya keimanan. Mungkin apabila kita menyebarkan agama, iaitu berdakwah, apa yang kita perlu adalah untuk menerangkan Al Quran dan hadis sahih. Tetapi ianya diragui kerana setakat ini orang yang mengaku beriman langsung tidak dapat membuktikan perkara yang baik sebagai bukti pertolongan Allah. Jika orang yang berilmu di kalangan kita sangat miskin sehingga kita tidak dapat meyakinkan sesiapa bahawa kita adalah insan yang terbaik, jika negara Islam terlalu lemah sehinggakan kita bergantung sepenuhnya pada derma dan bantuan kuasa bukan Islam, jika ternyata bahawa kita bersedia menjual persaudaraan Islam untuk terus hidup, jika persaudaraan Islam hanyalah lakunan semata-mata sedangkan kita berperang sesama sendiri; bolehkah kita benar-benar meyakinkan diri kita sendiri bahawa kita mengikut ajaran Islam yang betul? Bolehkah kita benar-benar meyakinkan orang lain bahawa Islam ialah ajaran yang benar?

Marilah berfikir sejenak apakah apa yang kita lakukan ini sudah mengambil beberapa faktor penting yang sudah dikaji atau sekadar mengikut-ikut. Kalau bertanding pilihanraya sekadar mencari publisiti dan kemashuran maka jangan persia-siakan masa di dalam hidup anda. Kalau mengundi sekadar mengikut orang, maka ianya tidak memberi kesan yang besar di dalam pembentukan masyarakat. Jadilah warga yang perihatin tentang masa depan negara. Pilihlah pemimpin yang berwibawa memimpin. Sekadar warak sahaja tidak cukup. Kerana kata Imam Ahmad kalaulah beliau di beri pilihan untuk memilih di antara dua calon. Yang satu terkenal dengan sifat waraknya, kurang pengetahuan untuk memimpin dan tidak melakukan dosa sementara yang satu lagi ialah kurang waraknya, berpengetahuan memimpin dan melakukan dosa secara peribadinya, lalu beliau akan memilih yang calon yang kedua. Apabila di tanya orang mengapa? Beliau mengatakan bahawa yang pertama itu, sifat waraknya itu hanya berguna untuk dirinya sahaja dan tidak untuk masyarakat. Kejahilannya memimpin akan menjadi musibat kepada umat. Sementara yang kedua mempunyai kurang sifat warak tetapi berketerampilan untuk memimpin kerana ilmunya maka itu lebih utama. Sedangkan dosa yang dilakukan itu hanya akan menjejaskan dirinya sahaja dengan tuhan.

Tazkirah Khas 'Raya' - KONSEP AL KHILAFAH

MUKKADIMAH

Al Khilafah sebenarnya adalah soal politik dan ketatanegaraan kerana itu bukanlah di sini tempat untuk mengupasnya tetapi dalam buku yang khusus membicarakan tentang tatanegara atau politik. Di sini hanya sekadar menggambarkan di mana hukum-hukum Islam itu akan berjalan lancar dan baik dalam masyarakat andaikata negara itu berdasar hukum-hukum Islam. Dan mengingat soal Khilafah itu tak sunyi dari mengandung bebrapa hukum terutama mengenai hukum penyusunan negara, ketua negara, pemilihan khalifah, hak memilih dan dipilih dan sebagainya, maka kerana itu soal Khilafah ini hanya kita huraikan di sini sekadar yang mengenai pokok-pokoknya sahaja.

Al Khilafah ialah "suatu susunan pemerintahan yang di atur menurut ajaran agama Islam," sebagai yang di bawa dan dijalankan oleh Nabi Muhammad s.a.w. semasa hidup beliau, dan kemudian di jalankan oleh Khulafaur-Rashidin (Abu Bakar, Umar bin Khattab, Usman bin Affan dan Ali bin Abu Thalib), ketua negaranya di namakan "Khalifah."

Al Khilafah dapat ditegakkan dengan perjuangan umat Islam yang teratur menurut keadaan dan tempat masing-masing umat, baik berbentuk nasional untuk sebahagian umat muslimin yang merupakan suatu bangsa yang memperjuangkan yang telah mereka tentukan batas-batasnya, sebagaimana telah terjadi mulai dari Khilafah Umawiyah, Khilafah Abbasiyah dan lain-lain sesudah itu, khilafah-khilafah itu diakui dan ditaati oleh ulama muslimin. Atau berbentuk umum (internasional) untuk Islam seluruh dunia.

Bentuk yang kedua inilah yang sering kita dengar dibicarakan oleh pemimpin-pemimpin Islam yang terkemuka, seperti gerakan Syaikat 'Ali di India; demikian pun di tempat lain-lain oleh pemimpin-pemimpin Islam lainnya. Memang diakui bahawa bentuk kedua ini lebih baik, tetapi selama negara-negara yang penduduknya kaum Muslimin masih di kuasai oleh kekuatan tangan penjajah, bentuk yang kedua itu tidak akan berhasil dan tidak bererti.

HUKUM MEMBENTUK KHILAFAH

Telah sepakat umat muslimin (ijma' yang mu'tabar) bahawa hukum mendirikan Khalifah itu adalah fardhu kifayah atas semua umat muslimin. Alasannya:

1. Ijma' sahabat sehingga mereka mendahulukan permesuaratan tentang Khilafah daripada urusan jenazah Rasulullah s.a.w. ketika itu sungguh banyak dibicarakan soal Khilafah itu oleh pemimpin-pemimpin Islam, berupa perdebatan, pertimbangan, akhirnya tercapailah kata sepakat memilih Abu Bakar menjadi Khalifah, ketua negara Islam yang pertama sesudah kewafatan Rasulullah s.a.w.

2. Tidak mungkin dapat menyempurnakan kewajiban, seperti pembelaan agama, menjaga keamanan dan sebagainya, melainkan dengan adanya khalifah (pemerintah).

3. Beberapa ayat Al Quran dan hadis yang menyuruh kita umat Islam mentaatinya yang dengan tegas menjadi janji yang pasti daripada Allah s.w.t kepada Muslimin yang hauli-malanya diwaktu itu hidup dalam ketakutan, kegelisahan dan kezaliman, tetapi mereka terus berjuang dan menegakkan kebenaran dan keadilan bahawa mereka akan menjadi khalifah di muka bumi. Firman Allah yang bermaksud: "Allah s.w.t. telah menjanjikan kepada orang-orang mukmin dan orang-orang yang bermalah di antara kamu bahawa mereka akan menjadi Khalifah di muka bumi sebagaimana orang dahulu telah menjadi khalifah, dan Allah akan menetapkan agama mereka (Islam) yang diredhailnya bagi mereka dan Allah akan mengganti ketakutan mereka dengan keamanan." Maksud ayat 55 Surah An-Nur

DASAR-DASAR KHILAFAH

Kalau kita ikuti dengan penyelidikan yang saksama nyatalah bahawa Pemerintahan yang dijalankan oleh Khulafaur-Rasyidin' berdasar atas:

1. Kejujuran dan keikhlasan serta tanggungjawab dalam menyampaikan amanah kepada ahlinya (rakyat) dengan tidak membeza-bezakan bangsa dan warna kulit.
2. Keadilan yang mutlak terhadap segala manusia, dalam segala sesuatunya.
3. Tauhid (mengEsakan Allah) sebagaimana diperintahkan dalam ayat-ayat Al Quran supaya mentaati Allah dan RasulNya
4. Kedaulatan rakyat yang dapat difahami dari perintah Allah yang mewajibkan kita taat kepada 'ulil ami' (wakil-wakil rakyat). Firman Allah yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah memerintahkan kepada kamu (pemimpin-pemimpin) supaya menunaikan amanah kepada ahlinya (rakyat) dan apabila kamu (hakim-hakim) hendak memutuskan sesuatu hukuman di antara manusia hendaklah diputuskan secara adil. Sesungguhnya amat baik pelajaran yang diajarkan oleh Allah; sesungguhnya Allah mendengar lagi melihat. Hal senep orang-orang yang beriman, taatilah hukum Allah dan taatilah hukum-hukum rasulNya dan hukum-hukum Alil Amri (wakil-wakil dari kamu) hendaklah kembali kepada hukum Allah dan rasulNya, jika kamu percaya kepada Allah dan Hari Penghabisan. Demikianlah jalan yang sebaik-baiknya dan sebagus-bagusnya." Maksud ayat 58-59 Surah An Nisa

Menurut ahli tafsir Imam Muhammad Fakhruddin Razi dalam kitab tafsirnya Mafatihul-ghaib, beliau tafsirkan Ulil Amri di suatu tempat dengan "Ahul Halli wal 'Aqdi" (alim ulama, cerdik pandai, pemimpin-pemimpin yang ditaati oleh rakyat), dan di lain tempat beliau di tafsirkan sebagai Ahli Ijma' (ahli-ahli yang berhak memberi keputusan). Kedua tafsiran tersebut adalah bermaksud 'wakil-wakil rakyat yang berhak memutuskan sesuatu dan mereka wajib ditaati sesudah hukum Allah dan RasulNya'. Dari ayat-ayat ini teranglah kiranya 4 dasar pokok tersebut di atas. Dan atas dasar-dasar itulah pemerintah Islam disusun dan dibangunkan di tempat mana jua dan di zaman bagaimanapun umat Islam berada, dasar-dasar ini wajib menjadi pokok pendirian negara.

Telah sepakat ulama' bahawa **memilih khalifah adalah fardhu kifayah** atas Ahul Halli wal 'Aqdi di kalangan umat, hanya mereka berlain faham dalam mengertikan kata 'Ahul Halli wal 'Aqdi' siapakah, bagaimanakah sifat Ahul Halli wal 'Aqdi itu? Dan apakah semua mereka mesti ikut memilih atau cukup dengan sebahagian dari mereka saja? Yang lebih baik di antara pendapat-pendapat itu adalah: Yang bermaksud dengan Ahul Halli wal 'Aqdi ialah para ulama cerdik pandai dan pemimpin-pemimpin yang mempunyai kedudukan dalam masyarakat, dipercayai oleh seluruh rakyat, sehingga buah pilihan mereka nanti akan ditaati serta ditunduki oleh seluruh rakyat. Ini beerti dengan pemilihan itu kedaulatan akan didukung oleh seluruh umat. Kata Rami, kerana dengan mereka pekerjaan jadi teratur dan umat boleh tenteram. Sesungguhnya kalau kita selidiki lebih jauh pemilihan Khalifah yang empat (Khalifa ur-Rasyidin) memang begitu, sehingga Umar dianggap salah, ketika permesyuaratan seluruh Ahul Halli wal 'Aqdi. Dalam beberapa riwayat diterangkan bahawa Abu Bakar sewaktu beliau mencalonkan Umar bin Khattab untuk menjadi Khalifah pengganti beliau, beliau sungguh banyak bermesyuarat dengan sahabat-sahabat yang terkemuka, mereka semua tidak ada yang mencela Umar selain dari tabiatnya yang tegas, walaupun mereka tahu bahawa Umar tegas dalam kebenaran. Jawab Abu Bakar kepada mereka, apabila ia diserahi pemimpin ia tentu akan lemah dan ramah tamah pada tempatnya walaupun ia akan tetap tegas apabila perlu. Begitulah seterusnya cara dan jalan pemilihan Khulafur-Rasyidin yang hendaknya patut menjadi contoh dan teladan bagi kita.

Makluman

Catatan kuliah al-Ulum tidak dapat dikeluarkan pada kali ini bagi memberi laluan kepada tazkirah khas 'raya'. Insa' Allah ianya akan dikeluarkan dalam siri-siri yang akan datang - pengarang

Jadi menurut riwayat yang sah hendaklah pemilihan itu dengan sepakat mereka (Ahul Halli wal 'Aqdi), atau sedikitnya dengan sepakat mereka yang lebih terkemuka dari kalangan ahli pengetahuan.

Sebahagian ahli Fiqh berpendapat cukup dengan lima orang dari Ahul Halli wal 'Aqdi, mereka beralasan dengan pengangkatan Usman yang diserahkan kepada enam orang yang dicalonkan oleh Umar (khalifah kedua) maka Usman diangkat lima orang calon dari enam orang calon tadi. Pendapat ini agaknya kurang teliti kerana tidak menyelidiki lebih jauh tarikh yang sebenarnya, kerana betul yang dicalonkan oleh Umar hanya enam orang calon, akan tetapi yang menetapkan Usman menjadi Khalifah ketiga, bukan hanya lima orang calon yang dicalonkan oleh Umar saja, tetapi dengan permesyuaratan mereka berlima dengan orang-orang terkemuka lainnya baik dari pihak Ansar mahupun dari pihak Muhajirin. Kalau tidak begitu mungkin ada kerenggangan, walaupun tidak menjadi perpecahan. Tetapi alhamdulillah tidak! Khalifah Usman ditaati oleh seluruh Muslimin. Di waktu Khalifah ketiga ini belum ada sedikitpun perasaan retak, keutuhan kesatuan dan kebulatan umat Islam masih tetap kuat. Di waktu Khalifah keempat (Ali bin Abi Talib) mulai ada kelihatan kerenggangan di antara umat muslimin. Menurut riwayat sebab yang terutama membawa retak pada permulaannya, kerana ada yang berhak memilih tidak ikut dibawa bermesyuarat dalam menetapkan Ali bin Abi Talib menjadi Khalifah keempat.

KEKUASAAN RAKYAT.

Sebagaimana telah dijelaskan bahawa yang berhak mengangkat Khalifah-khalifah ialah rakyat, maka yang berhak memperhentikannya juga rakyat. Berkata Razi: 'Pemimpin umum itu hak rakyat maka rakyat berhak memperhentikannya Khalifah jika dipandang perlu.' Apakah maksud Razi dengan katanya "Pemimpin."

Hal ini menjadi tanda tanya. Kalau pimpinan itu hak rakyat siapakah pemimpin? Pertanyaan ini wajib dijawab oleh Sa'at maksud Razi dengan rakyat ialah Ahul Halli wal 'Aqdi. Firman Allah s.w.t yang bermaksud: "orang-orang yang mengikut perintah Tuhan, mengerjakan sembahyang, urusan mereka dilakukan dengan permesyuaratan diantara sesama mereka, dan mereka belanjakan sebahagian rezeki yang Kami anugerahkan kepada mereka." Maksud AS Syura ayat 38

Setelah selesai pengangkatan Khalifah pertama (Abu Bakar) beliau berpidato di tengah-tengah rakyat di antara lain berkata: "sesungguhnya saya telah diangkat memegang pucuk pimpinan sedang saya tidak lebih dari saudara mara, maka apabila saya jalankan pimpinan itu dengan baik tolonglah saya tetapi apabila saya salah hendaklah saudara-saudara betulkan." Begitu juga pidato Khalifah kedua dan ketiga ketika mereka menerima pengangkatannya.

SYARAT-SYARAT MEMILIH

Sebagaimana kita telah mengetahui bahawa yang berhak memilih Khalifah ialah Ahul Halli wal 'Aqdi (wakil-wakil dari rakyat), mereka hendaklah bersifat sebagai berikut:

1. **Adil** dengan erti kata yang sebenar iaitu orang yang mengerjakan kewajibannya serta menjauhi diri dari segala maksiat serta menjaga kehormatannya.

2. **Ahli ilmu** pengetahuan tinggi agar ia mengetahui siapa yang lebih berhak dipilih. Kata Rasyid Ridha: "Sifat ilmu lebih berkurang menurut keadaan masa. Sekarang masa kemajuannya maka hendaklah dalam majlis syura Ahul Halli wal 'Aqdi itu cukup mempunyai orang-orang berpengetahuan tinggi yang perlu dimasa sekarang, umpamanya ahli negara, penyelidikan serta pengetahuan yang berhubungan dengan keadaan rakyat di negara-negara sekitar negara kita, mengetahui negara-negara jirannya, baik mengenai politik, ekonomi, perdagangan, kebudayaan dan lain-lain. Semua pengetahuan yang bersangkutan dengan tegaknya dan teraturnya negara. Adapun ilmu yang menyampaikan seorang kepada derajat mujtahid menjadi syarat untuk jumlah anggota syura bererti dalam majlis syura itu hendaklah ada orang alim yang sampai derajat mujtahid agar dapat menyesuaikan peristiwa-peristiwa yang terjadi dengan hukum syara' Islam.

3. **Mempunyai pendirian teguh** (percaya kepada diri sendiri), bijaksana serta pandai menarik perhatian, pandai menyelidiki sesuatu, agar ia dapat mengutar jalannya sejarah hidup calon-calon Khalifah itu. Yang dimaksud dengan pandai dalam agama Islam tidak didasarkan dengan adanya diploma sebagaimana keadaan di zaman sekarang ini tetapi tergantung atas ada atau tidaknya pengetahuan dilihat dari kecakapan dan kesanggupan bekerja, sesuai dengan kepentingan, keadaan sesuatu yang akan dipertanggungjawabkan kepadanya. Akibat dari syarat-syarat tersebut, kedaulatannya tidak dianggap Daulah Islamiyah dan tidak wajib atas umat Islam dilihat dari sudut agama mentaatinya.

SYARAT-SYARAT MENJADI KHALIFAH

Orang yang dicalonkan untuk menjadi Khalifah/Pemimpin, hendaklah orang yang mempunyai sifat dan peribadi seperti berikut:

1. **Berpengetahuan tinggi** dengan erti sebenarnya bukan sekadar berkelulusan tinggi, kerana ia akan memimpin dan mentanfizkan hukum Allah dan peraturan-peraturanNya, baik terhadap rakyat yang beragama atau terhadap orang-orang tidak beragama mahupun terhadap negara. Orang-orang yang tidak mengetahui hukum Allah tentunya tidak dapat menjalankannya dengan sempurna.

2. **Adil** dengan erti kata yang luas, bererti menjalankan segala kewajiban dan menjauhi segala larangan serta dapat menjaga kehormatannya. Khalifah selain diri sendiri wajib mentanfizkan hukum, juga berkewajiban mengawasi segala hukum yang dijalankan oleh wali-wali negeri yang diserahinya.

3. **Kifayah** bererti bertanggung-jawab, teguh, kuat dan cekap untuk menjalankan pemerintahan, memajukan negara dan agama, sanggup membela keduanya dari segala ancaman musuh.

4. **Sejahtera pancaindera dan anggotanya**, dari segala yang mengurangkan kekuatan berfikir dan kekuatan jasmani atau tenaga kerja.

Dengan demikian teranglah bagi kita, bahawa yang dimaksud di sini sifat Kifayah – (berani bertanggung jawab, teguh, kuat, mempunyai rasa persatuan dan cekap untuk menjalankan pemerintahan). Jadi yang menjadi syarat oleh Nabi s.a.w. ialah sifat tersebut. Barang siapa di antara golongan atau parti yang bersifat demikian ialah yang berhak memegang tampuk pimpinan negara. Keterangan ini diambil dari kitab tarikh "Itmamul-Wafa'" karangan Muhammad Al-Hudari dan dari Muqaddimah Ibnu Khaldun.

bersambung di muka 3

About LOVE n LIFE

This story tells us something about..... LOVE & LIFE.

My husband is an engineer by profession, I love him for his steady nature and.. I love the warm feeling when I lean against his broad shoulders.

Two years of courtship and now, five years into marriage, I would have to admit, that I am getting tired of it. The reasons of me loving him before, has now transformed into the cause of all my restlessness.

I am a sentimental woman and extremely sensitive when it comes to a relationship and my feelings. I yearn for the romantic moments, like a little girl yearning for candy.

My husband is my complete opposite; his lack of sensitivity, and the inability of bringing romantic moments into our marriage has disheartened me about LOVE.

One day, I finally decided to tell him my decision, that I wanted a divorce.

"Why?" he asked, shocked.

"I am tired. There are no reasons for everything in the world!" I answered.

He kept silent the whole night, seemingly in deep thought. My feeling of disappointment only increased.

Here was a man who was not able to even express his predicament, so what else could I expect from him?

And finally he asked me: "What can I do to change your mind?"

Somebody said it right... It's hard to change a person's personality, and I guess, I have started losing faith in him.

Looking deep into his eyes I slowly answered: "Here is the question....If you can answer and convince my heart, I will change my mind."

Let's say; I want a flower located on the face of a mountain cliff, and we both are sure that picking the flower will cause your death. Will you do it for me?"

He said: "I will give you your answer tomorrow...." My hopes just sank by listening to his response.

I woke up the next morning to find him gone, and saw a piece of paper with his scratchy handwriting underneath a milk glass, on the dining table near the front door, that goes....

My dear,
"I would not pick that flower for you, but.... please allow me to explain the reasons further....."

This first line was already breaking my heart. I continued reading.

"When you use the computer you always mess up the Software programs, and you cry in front of the screen. I have to save my fingers so that I can help to restore the programs. You always leave the house keys behind, thus I have to save my legs to rush home to open the door for you.

You love traveling but always lose your way in a new city. I have to save my eyes to show you the way.

ENGLISH CORNER

You always have the cramps whenever your 'good friend' approaches every month. I have to save my palms so that I can calm the cramps in your tummy.

You like to stay indoors, and I worry that you will be infected by infantile autism. I have to save my mouth to tell you jokes and stories to cure your boredom.

You always stare at the computer, and that will do nothing good for your eyes. I have to save my eyes so that when we grow old, I can help to clip your nails and help to remove those annoying white hairs. So I can also hold your hand while strolling down the beach, as you enjoy the sunshine and the beautiful sand...and tell you the colour of flowers, just like the colour of the glow on your young face...

Thus, my dear, unless I am sure that there is someone who loves you more than I do... I could not pick that flower yet, and die ..."

My tears fell on the letter, and blurred the ink of his handwriting...and as I continue on reading... "Now, that you have finished reading my answer, and if you are satisfied, please open the front door for I am standing outside bringing your favorite bread and fresh milk..."

I rushed to pull open the door, and saw his anxious face, clutching tightly with his hands, the milk bottle and loaf of bread....

Now I am very sure that no one will ever love me as much as he does, and I have decided to leave the flower alone...

That's LIFE, and LOVE.

When one is surrounded by love, the feeling of excitement fades away, and one tends to ignore the true love that lies in between the peace and dullness.

Love shows up in all forms; even in very small and cheeky forms. It has never been a model. It could be the dullest and most boring form ...

Flowers, and romantic moments are only used and appear on the surface of the relationship. Under all this, the pillar of true love stands...
AND THAT'S LIFE

The happiest people in the world...are not those who have no problems, but those who learn to live with things that are less than perfect.

LOVE is not just between two lovers, husband and wife--it also encompasses; mother, father and siblings, sisters and brothers, friends and neighbors ya!

"Delighting You Always



....sambungan dari muka 3

KEWAJIPAN KHALIFAH TERHADAP AGAMA DAN RAKYAT

Garis besar kewajipan Khalifah sebagai berikut:

1. Membela dan melindungi agama, menjalankan nas-nas yang disepakati (mujma'alah) serta memberi keleluasaan, kebebasan kepada rakyat dalam masalah ijthadiyah yang bersangkutan dengan amal masing-masing, baik dalam ilmu pengetahuan maupun yang bersangkutan dengan pekerjaan, baik berupa ibadah atau berupa urusan penghidupan. Adapun yang bersangkutan dengan pemerintahan, seperti politik negara, keamanan, hukum pengadilan, maka khalifah berhak menguatkan pendapatnya di dalam masalah ijthadiyah sesudah bermusyawarah dengan Ahlul Halli wal Aqdi.
2. Mentanfiskan hukum antara orang-orang yang berselisih atau mendamaikannya, begitu juga yang bersangkutan dengan Allah semata-mata seperti hudud. Ringkasnya pengatur pengadilan.
3. Menjaga keamanan umum agar penghidupan segenap umat manusia terjamin dengan aman tenteram (urusan kepolisian)
4. Bermesyuarat dengan wakil-wakil rakyat dalam tiap-tiap urusan yang tidak ada nasnya yang qath'i (yang diyakini) dan tidak pula ada ijma' terutama hal-hal yang mengenai kenegaraan, seperti peperangan, mengenai politik luar dan dalam negeri.
5. Mengatur penjagaan batas-batas negeri dengan sekuat-kuatnya, sehingga merupakan kekuatan yang dapat menolak segala kemungkinan dari serangan musuh yang akan mengganggu keamanan atau ketenteraman dalam negeri.
6. Jihad, melakukan peperangan terhadap musuh apabila telah sampai batas-batas yang diizinkan oleh agama dan mengatur ketenteraman.
7. Mengatur kemakmuran menurut apa yang diizinkan oleh agama, seperti menyusun Baitulmal, mengatur perniagaan dan perdagangan, pertanian dan sebagainya.
8. Menyesuaikan penyerahan pekerjaan dan kekuasaan menurut kecekapan dan keikhlasan seseorang yang diserahi, serta diberi keleluasaan mengatur dan bertindak asal tidak bertentangan dengan dasar-dasar agama.
9. Hendaklah ia bekerja sendiri untuk mengamati-mengamati dan memperhatikan soal-soal yang diserahkan kepada wali-walinya. Ia hendaklah bergaul dengan seluruh lapisan masyarakat, tidak boleh mengasingkan diri bersenang-senang sendiri.

KEWAJIPAN RAKYAT

Sesudah selesai pemilihan (mubaya'ah) Kalifah yang sah wajib atas yang memilih serta seluruh rakyat dengan tidak ada kecuali, mentaatinya, tunduk serta menjalankan segala peraturan yang dijalkannya selama peraturan-peraturan dan perintahnya itu tidak bertentangan dengan hukum Allah dan Rasulnya, begitu juga wajib atas rakyat mentaatinya wali-wali negeri yang ditunjuk oleh Khalifah.

3

MAJLIS SYURA

Permesyuaratan dalam segala urusan yang tidak ada nas qath'i dan tidak ada pula ijma'. Kata Syeikh Muhammad Rashid Ridha: "Permesyuaratan inilah terpenting-pentingnya kewajipan Khalifah." Sebenarnya permesyuaratan hendaklah dilakukan dalam segala urusan, baik yang ada nas, permesyuaratan tentang cara dan jalan mentanfiskannya, apalagi yang tidak ada nas, permesyuaratan dilakukan secara ijthadiyah yang berdasarkan atas kemaslahatan. Tentang keterangan syura ini telah kita tuliskan firman Allah surat Syura ayat 38 dan Firman Allah s.w.t.:

"Dan bermesyuarallah engkau (ya Muhammad) dengan mereka dalam segala urusan, maka apabila engkau telah mempunyai pendapat yang tetap jalankanlah, serta tawakal kepada Allah, sesungguhnya Allah suka kepada orang tawakkal." Maksud ayat 159 Surah Ali Imran.

Dan juga amal (praktik) yang dikerjakan oleh Rasulullah s.a.w. semasa beliau masih hidup memegang pucuk pimpinan pemerintahan, beliau seringkali bermesyuarat dengan sahabat-sahabat beliau dalam urusan kenegaraan atau kemasyarakatan yang perlu menjadi perhatian bersama.

Sungguh pun dimasa hidup Rasulullah s.a.w. belum diatur Majlis-majlis perwakilan seperti yang ada di negara-negara sekarang ini, dan mempunyai anggota yang tertentu dan terbatas, bersidang pada tiap-tiap waktu yang ditentukan dan seterusnya mempunyai peraturan-peraturan yang lengkap. Malah peraturan-peraturan itu tiap-tiap negara tidak sama, akan tetapi amal (praktiknya) telah beliau kerjakan, guna menjadi kaedah syariah untuk umat kemudian. Bukanlah agama Islam untuk segala bangsa, perlu disesuaikan dengan tiap-tiap tempat dan diselaraskan dengan masa, sedang keadaan masyarakat dan pergaulan di sesuatu tempat atau disesuatu masa, sering berbeza dari tempat-tempat atau masa-masa yang lain. Maka kalau beliau adakan peraturan yang sesuai dengan masa dan tempat beliau di waktu itu. Beliau tidak terlepas dari kekuatiran, kalau-kalau disangka umat beliau dikemudian hari, bahwa peraturan itu mesti begitu, tidak boleh diubah lagi, walaupun tidak sesuai dengan keadaan tempat dan masa itu, membuta tuli mengikut susunan yang ada saja, tidak memperhatikan maksud tujuan dan gunanya permesyuaratan itu diadakan, kerana itu beliau mengambil jalan menyerahkan cara dan bentuk permesyuaratan itu kepada kebijaksanaan umat, yang sesuai dengan masyarakat di tempat dan masa mereka, selaras dengan keadaan dan kemaslahatan mereka di waktu itu.

HILANGNYA HAK PIMPINAN

Sebagaimana telah kita uraikan di atas, bahawa khalifah itu wajib menjalankan hukum Allah dan Rasulnya, baik terhadap amal dirinya sendiri maupun terhadap jalannya pemerintahan, segala hukum negara tidak boleh bertentangan dengan hukum Allah dan RasulNya, apabila hukum Allah ditanfiskannya untuk dirinya, masyarakat dan negara, rakyat wajib mentaatinya dan apabila ia tidak menjalankan hukum Allah dan RasulNya, hilanglah haknya sebagai khalifah, begitu juga jika kekuatannya sudah berkurang sehingga tidak dapat lagi menjalankan kewajipannya dengan sempurna terhadap masyarakat dan negara, kerana ia jatuh di tangan musuh. Keadaan yang demikian membolehkan rakyat menghukum atau memutuskan atas pemberhentiannya serta rakyat berhak memilih gantinya, agar roda pemerintahan dapat berjalan terus. Meskipun dalam keadaan yang terakhir ini rakyat bertanggung jawab kepada Tuhan mencari jalan melepaskan dari tangan musuh.

Dipetik dari Buku Fiqh Islam oleh H. Sulaiman Rashid.

Petikan Al-Quran/Hadith

"Janganlah orang-orang mukmin mengambil orang-orang kafir menjadi wali (pemimpin) dengan meninggalkan orang-orang mukmin. Barangsiapa berbuat demikian, nescaya lepaslah dari pertolongan Allah kecuali kerana (siasat) memelihara diri dari sesuatu yang ditakuti dari mereka. Dan Allah memperingatkan kamu terhadap diri (siksa)-Nya. Dan hanya kepada Allah kembali (mu)." Ali Imran : Ayat 28.

"Setiap hamba yang diserahi oleh Allah untuk memimpin rakyatnya, lalu mati dalam keadaan menipu rakyatnya pada saat dia mati, pasti Allah mengharamkan syurga atasnya." - Hadis Riwayat Muslim




BERITA RINGKAS SINAR AL-ULUM KD9



HARI KELUARGA AL-ULUM KD9 yang dirancang diadakan di Morib Selangor pada Mac 2008 ini telah diubah tempat ke Kuantan, Pahang. Aktiviti ini merupakan salah satu program riadah bertujuan mengeratkan lagi silaturrahim dikalangan keluarga ahli kariah Surau Al-Ulum KD9. Siapa yang berminat menyertainya sila hubungi Tuan Haji Baharin di talian 012-3179419.

BADAN KHAIRAT KEMATIAN AS-SAHABAH (BKAS) - Kepada semua ahli BKAS sekali lagi diingatkan agar menjelaskan yuran tahunan RM20 kepada badan tersebut. Yuran boleh dibayar terus kepada Bendahari BKAS di Surau As-Sahabah atau disalurkan melalui Tn Hj Mohd Ali Mungai (wakil BKAS di Al-Ulum KD9). Kepada yang belum menjadi ahli dan berminat, sila dapatkan borang yang disediakan di Surau Al-Ulum KD9



dari muka 1 - 'Raya'.....

Kita sepatutnya berasa bimbang apabila ada di kalangan umat Islam di Malaysia yang mengatakan bahawa mengundi di dalam pilihanraya ini adalah sebenarnya menyentuh persoalan akidah. Sesiapa yang tidak mengundi parti yang tertentu maka tergelincir akidahnya. Fahaman ini sekiranya berleluasa maka bertambah besarlah jurang persaudaraan umat Islam di Malaysia. Sudah retak menanti belah.

Kita perlu mengambil iktibar. Di negara Islam yang lain umat Islam di bunuh dengan kejam di negara mereka sendiri. Wanita Islam dirogol, orang lelaki disiksa dan dibunuh. Tidakkah kita ketahui semasa kita sibuk menjadikan diri kita lebih Islam, ramai umat Islam di wilayah yang ditakluki dan mereka terpaksa mencari perlindungan di negara bukan Islam, hilang keimanan, meninggalkan agama mereka dan menganut agama lain? Atau adakah kita tahu, tetapi kita tidak peduli selagi kita boleh memastikan syurga untuk kita di akhirat nanti. Adakah kita benar-benar pasti bahawa ada tempat untuk kita di syurga kalau sekiranya kita mengabaikan saudara kita yang lain? Adakah sikap mementingkan diri sendiri digalakkan dalam Islam sehinggakan kita berasa kita boleh mengabaikan keperluan saudara kita kerana kita berebut-rebut mencari pahala untuk diri kita sendiri?

Yang pasti tidak ada manusia yang sempurna. Marilah kita semua bantu-membantu membawa umat ke era yang lebih gemilang. Jagalah adap-adap berbeza pandangan kerana kita yakin bukanlah persoalan akidah yang tidak boleh diubah, hanya persoalan fekah yang boleh diijtihadkan sehingga hari kiamat. Yang penting jujur pada diri sendiri dan ikhlas kerana Allah. Fikirkanlah.....

Ust Hj. Shakir Hussein Kalid.

4

PESANAN

Kami dengan rendah diri memohon kerjasama sdr/sdri. sekalian agar menyimpan Buletin ini ditempat yang sesuai demi menjaga kesucian Agama Islam dan keberkatan ilmu yang disampaikan

- Biro Penerbitan & Penerangan

Jadual Aktiviti / Pengajian (Februari '08) Di Surau Al-Ulum KD9, Kota Damansara

Tarikh	Pengajar	Tajuk
01/2 (Jumaat)	Ust. Azizi Mat Daud	Feqah
02/2 (Sabtu)	Ust. Syed Nazli (Penang)	Umum
03/2 (Ahad)	Ust. Muhamad Meeftah	Umum
04/2 (Isnin)	Ust. Kasfun Nazir	Umum
05/2 (Selasa)	Ust. Hamim Semaon (Rawang)	Ulumul Quran
06/2 (Rabu)	Ust. Nazri Din (Perak)	Umum
07/2 (Khamis)	YAASIN / TAHLIL	
08/2 (Jumaat)	Ust. Mohd Amin Al-Buntari	Al-Jauhar
09/2 (Sabtu)	Ust. Khairi (Subang)	Umum
10/2 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
11/2 (Isnin)	Ust. Riduan Mohd Nor	Umum
12/2 (Selasa)	Ust. Mazlan Khamis	Hadith Qudsi
13/2 (Rabu)	Ust. Osman	Kisah al-Quran
14/2 (Khamis)	YAASIN / TAHLIL	
15/2 (Jumaat)	Ust. Azizi Mat Daud	Feqah
16/2 (Sabtu)	Ust. Ahmad Al-Khauthari	Tafsir
17/2 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
18/2 (Isnin)	Ust. Hamzah	Tauhid
19/2 (Selasa)	Ust. Hamim Semaon (Rawang)	Ulumul Quran
20/2 (Rabu)	Ust. Kamal Mahadi (Kem. Penlajaran)	Tafsir
21/2 (Khamis)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	YAASIN/Tafsir
22/2 (Jumaat)	Ust. Khairuzaman (Rawang)	Tauhid
23/2 (Sabtu)	Ust. Mohd Fauza Ali	Umum
24/2 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
25/2 (Isnin)	Ust. Ramadan (UIA)	Umum
26/2 (Selasa)	Ust. Mazlan Khamis	Hadith Qudsi
27/2 (Rabu)	Ust. Osman	Kisah al-Quran
28/2 (Khamis)	Ust. Abdullah Osman Iraqi	Hadith
29/2 (Jumaat)	Ust. Shakir Husin Kalid	Umum

Kuliah Khas HELWA

Setiap Selasa 11.30 pg	Ust. Azzahari	Harfiah
Setiap Rabu 8.30 pg	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Tafsir
Setiap Khamis 8.30 pg	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Sirah Rasul saw

Kuliah Suboh

02/2 (Sabtu)	Ust. Mohd Amin Al Buntari	Al-Jauhar
03/2 (Ahad)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Sirah
07/2 (Khamis)	Ust. Mohd Nizam	Umum
08/2 (Jumaat)	Ust. Osman	Umum
09/2 (Sabtu)	Ust. Mohd Irwan Fatiha	Feqah/Umum
10/2 (Ahad)	Ust. Rafi (Sg Buloh)	Umum
16/2 (Sabtu)	Ust. Mohd Amin Al Buntari	Al-Jauhar
17/2 (Ahad)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Hadith
23/2 (Sabtu)	Ust. Ibrahim Zakaria	Umum
24/2 (Ahad)	Ust. Babar (Perak)	Umum

PERHATIAN : Jadual di atas tertakluk kepada perubahan, sila semak di Papan Notis surau untuk jadual terkini. Bersama-samalah kita hadir di dalam majlis ilmu yang telah diaturkan, mudah-mudahan ianya dapat mengelakkan dari bertambahnya 'tompok-topok hitam' dalam hati kita

Sekadar peringatan, DUN bagi kariah kita mengundi adalah Kota Damansara manakala Parlimen kita adalah Subang. Selamat 'Berhari Raya' (Mengundi) buat semua yang layak - pengarang